

prihatin

BERITA SPANCO

sentiasa bersama mu

JILID 3
10

SEPT - DIS



11

KITA PERLU KURANGKAN
PERGANTUNGAN KEPADA
TENAGA FOSIL



15

TIDUR SEKEJAP,
MINUM KOPI BANTU
ATASI KELETIHAN



18

JADUAL PENYENGARAAN:
PENTING PATUHI
SARANAN PENGELUAR



PROTON INSPIRA
Tangkas Dengan Harga
Mampu Milik

Penyembur Wangian Udara Boleh Meletup Dalam Kereta



Kerosakan pada pemegang bekas minuman.



Bumbung yang berlubang terkena tin yang melantun.



Beginilah jadinya apabila tin semburan pewangi meletup dan melantun lalu merosakkan kabin setelah kenderaan diletakkan di bawah cuaca panas terik.



Kerosakan pada bumbung kereta yang boleh dilihat dari luar.



Serpihan tin penyembur wangian udara yang meletup.

AWAS: Bekas kedap seperti tin atau kaca yang mengandungi gas di bawah tekanan udara boleh meletup jika dibiarkan pada suhu yang tinggi.

Justeru, jangan simpan pewangi semburan di dalam kenderaan anda kerana cuaca yang panas melampau boleh meningkatkan tekanan yang kuat di dalam

bekas semburan sehingga mengakibatkan letupan.

Kejadian pewangi semburan udara meletup sering terjadi apabila kereta diletakkan di bawah cuaca panas terik di tempat parkir yang terbuka. Walaupun bahan ini kecil, namun ianya mampu memecahkan cermin kenderaan anda atau lebih buruk lagi boleh mencederakan orang

di sekeliling apabila bekas tin atau kaca melantun semasa letupan.

Untuk mewangikan bahagian dalaman kenderaan, anda disarankan supaya menggunakan pewangi yang disediakan di dalam bekas yang tidak mengandungi tekanan seperti dari jenis pewangi bekuan, kertas atau cecair.

Menarik keluaran ini

Jilid 3 | 2010 September - Disember

prihatin
sentiasa bersama mu



PERUTUSAN

- 04** 2011 Tempoh Pengukuhan Fleet
Demi Kepuasan Pelanggan

KORPORAT

- 05** Kos Senggaraan Proton Perdana
Adalah Munasabah, Tidak Seperti
Dilaporkan Akhbar
- 06** Kelebihan Pengurusan Fleet
Profesional Dalam Menyelia
Fleet Anda
- 08** PROTON INSPIRA Tangkas Dengan
Harga Mampu Milik
- 10** Hibrid: Kenderaan Jangkaan
Masa Depan
- 11** Kita Perlu Kurangkan Pergantungan
Kepada Tenaga Fosil
- 11** Exora Hibrid Menang Pertandingan
Di London

KESELAMATAN

- 12** Kecemasan, Kemalangan Atau
Kerosakan: Pelanggan Boleh Hubungi
1-800-88-6999 Untuk Dapatkan
Bantuan
- 14** LETIH? Jangan Memandu
- 15** Tidur Sekejap, Minum Kopi Bantu
Atasi Keletihan

PENJAGAAN KERETA

- 16** Kriteria Ketat Panel Pusat Servis
Jamin Mutu Perkhidmatan
- 17** Senggara Kereta Secara Rutin
Selamatkan Alam Sekitar
- 18** Jadual Penyenggaraan: Penting
Patuhi Saranan Pengeluar
- 20** Asas Fungsi Dan Penjagaan Brek:
Brek Penting Untuk Keselamatan

KESIHATAN

- 22** 6 Langkah Tingkat Kesihatan Jantung



PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG

Peter Lim
Zulkifli Abd. Aziz
Rusman Bassri

PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)
No. 2, Jalan Perusahaan 2
Kawasan Perusahaan Batu Caves
68100 Batu Caves.
Tel : 03-6192 8888 Faks : 03-6192 8999
emel : prihatin@spanco.com.my
web : www.spanco.com.my

PENCETAK

Percetakan Lai Sdn Bhd
No. 1, Persiaran 2/118C
Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak
Cheras, 56000 Kuala Lumpur.
Tel : 03-9173 1111 Faks : 03-9173 1969

PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

Sila hantar komen, pandangan atau sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

2011 Tempoh Pengukuhan Fleet Demi Kepuasan Pelanggan

CABARAN semakin pesat menjelang 2011 dengan saiz fleet mencecah 10 ribu unit iaitu pertambahan dua kali ganda dalam tempoh lima tahun yang lalu. Ia satu cabaran buat SPANCO untuk mengekalkan tahap mutu perkhidmatan dan kepuasan pelanggan.

Mutu perkhidmatan dan kepuasan pelanggan antara lain turut menuntut supaya hanya alat ganti yang tulen sahaja digunakan oleh panel pusat servis kami. Ini merupakan satu lagi cabaran yang mesti ditangani secara berhemah dan profesional.

Bagi menghadapi kedua-dua cabaran itu, SPANCO akan memastikan piawaian servis terus dipatuhi. Tahap perkhidmatan di seluruh negara akan terus diperkukuhkan dengan pelaksanaan audit servis yang menyeluruh untuk memastikan semua Pusat Servis Diiktiraf (PSD) mematuhi keperluan servis kami.

Pertambahan fleet yang berlipat kali ganda juga menuntut sejumlah pelaburan modal yang amat besar di mana RM600 juta dibelanjakan untuk kenderaan dan RM40 juta lagi bagi infrastruktur. Angka ini wajar diberitahu kepada umum sebagai bukti yang SPANCO cukup serius untuk memenuhi tuntutan Kerajaan dan menyediakan perkhidmatan pengurusan fleet yang terbaik di rantau ini.

Cabaran seterusnya ialah pemberhentian pengeluaran kereta Proton Perdana oleh PROTON. Realiti ini merupakan cabaran dalam memenuhi keperluan pelanggan kami apabila sampai masanya mengganti lebih 2,000 unit kereta model itu dalam program

penggantian 2011.

Dalam hal yang berkaitan, kedudukan sebenar tentang kos penyenggaraan Proton Perdana yang kononnya agak tinggi perlu dijelaskan. Sebenarnya, semua dakwaan ini diperbesar-besarkan atau disebabkan oleh penyalahgunaan. Kami mempunyai rekod dan sejarah penyenggaraan lengkap setiap Proton Perdana yang digunakan di dalam fleet bagi membuktikannya.



Tahap perkhidmatan di seluruh negara akan terus diperkukuhkan dengan pelaksanaan audit servis yang menyeluruh untuk memastikan semua Pusat Servis Diiktiraf (PSD) mematuhi keperluan servis kami.

SPANCO turut teruja dengan pelancaran Proton Inspira baru-baru ini. Kami akan mengalu-alukan penyertaan Inspira dalam fleet kami selain kemunculan model baru yang akan menggantikan Proton Perdana kelak. Pasti model itu lebih baik dan SPANCO berharap ia sekali gus memenuhi keperluan program penggantian kami pada masa hadapan.

Meneruskan perancangan, SPANCO bakal memulakan pembinaan Pusat Servis Wilayah yang baru di Bangi, Selangor. Apabila siap pada 2012, pusat servis yang berteknologi tinggi dan serba canggih itu akan memiliki kapasiti untuk menyenggara 90 unit kereta dalam sehari, bagi memenuhi keperluan servis pelanggan-pelanggan dari sekitar Putrajaya, Bangi dan Shah Alam.

Di samping itu, selaras kepentingan tenaga kerja di dalam operasi pengurusan fleet, maka pelaburan modal insan akan terus menjadi keutamaan kami pada 2011 dan tahun-tahun yang akan datang.

Dalam ruang dan kesempatan ini juga, saya bagi pihak seluruh tenaga kerja SPANCO mengucapkan Selamat Tahun Baru 2011 dan merakamkan ucapan terima kasih atas sokongan pelanggan yang tidak berbelah bagi. Pada masa sama, SPANCO terus bersikap inklusif termasuk kesediaan menerima pandangan dan teguran demi memastikan perkhidmatan fleet kami sentiasa di atas landasan yang memuaskan pelanggan.

Dato' Hamzah Mohd Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif





Kos Senggaraan Proton Perdana Adalah Munasabah, Tidak Seperti Dilaporkan Akhbar



JADUAL penyenggaraan tidak terkawal dan penyeliaan kenderaan yang lemah menyumbang kepada kos senggaraan serta pembaikan yang tinggi, demikian rumusan daripada Laporan Ketua Audit Negara 2009.

Dalam perkembangan itu, laporan di media massa baru-baru ini ada menyebut bahawa kos penyenggaraan dan pembaikan kenderaan Proton Perdana terlalu tinggi terutama yang digunakan oleh kerajaan negeri.

Susulan itu, sesetengah pihak mendesak supaya kenderaan berkenaan ditukar kepada model jenama yang lain jika benar-benar didapati ia tidak mampu menampung tahap penggunaan yang berat di kalangan penjawat awam negeri.

Ada juga yang sudah pun memutuskan atau sedang mempertimbangkan untuk memberhentikan sama sekali penggunaan kereta nasional sebagai kenderaan rasmi kerajaan negeri atas faktor itu, walaupun kebenarannya belum dibuktikan.

Sumber yang sama juga mendakwa, kos penyenggaraan kereta Proton Perdana yang tinggi adalah disebabkan penggunaannya yang terlalu lasak (sekali gus cepat rosak) dan masalah kotak gear yang terlalu kerap.

Dalam hal ini, peneraju pengurusan fleet, SPANCO percaya dakwaan yang dibuat melalui media itu tidak begitu tepat dan tidak menggambarkan hal sebenar.

Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Hamzah Mohd Salleh berkata: "Berdasarkan pengalaman kami lebih 17 tahun mengawal selia kenderaan model Proton,

kami dapati kos penyenggaraan dan pembaikannya adalah munasabah dan tidaklah terlalu mahal sebagaimana yang digembar-gemburkan.

"Mengambil contoh, kos penyenggaraan sebuah kereta Perdana Standard yang merangkumi lebih 20 peratus daripada jumlah keseluruhan fleet kami adalah secara purata antara RM6-7 ribu setahun," kata beliau.

Menurut beliau, jumlah itu adalah lebih rendah daripada angka yang disiarkan sesetengah akhbar.



...kos penyenggaraan dan pembaikan yang terlalu tinggi itu ada kaitan dengan aspek penyenggaraan yang tidak terkawal dan penyeliaan yang lemah.

"Bagaimanapun memang kita akui terdapat masalah kotak gear yang dialami oleh model Perdana kami tetapi ia tidaklah seteruk dan sekerap seperti dilaporkan," katanya lagi.

Beliau berkata, masalah kotak gear hanya membabitkan jumlah yang kecil iaitu 5.4 peratus daripada keseluruhan kenderaan Perdana yang diselia oleh SPANCO. Selain itu, pihak pengeluar Proton turut melaksanakan langkah mengatasi masalah itu dengan memasang alat

'automatic transmission oil cooler' bermula 2006.

Pemasangan alat itu dapat mengurangkan masalah kotak gear yang dialami kenderaan Proton Perdana kegunaan agensi, jabatan dan Kementerian.

Proton mengakui kebanyakan kegagalan transmisi automatik keluarannya berpunca daripada suhu bendalir yang terlalu tinggi terutama apabila kereta dipandu laju untuk jarak yang jauh secara berterusan.

Seperti dirumuskan di dalam laporan audit itu, sebenarnya kos penyenggaraan dan pembaikan yang terlalu tinggi itu ada kaitan dengan aspek penyenggaraan yang tidak terkawal dan penyeliaan yang lemah.

Penyelesaian kepada masalah itu mungkin ada pada pengurusan fleet profesional yang disediakan oleh pihak ketiga yang pakar seperti SPANCO.

Dato' Hamzah yang memiliki pengalaman luas dalam industri motor, berkata: "Kaedah penyumberan luar (outsourcing) mewujudkan situasi menang-menang di mana pelanggan menikmati perkhidmatan fleet yang diyakini pada kadar sewa pajakan yang tetap dan tanpa lebihan kos."

Setakat Oktober 2010, SPANCO menguruskan 9,366 kenderaan untuk Kerajaan Malaysia di mana 21 peratus atau 1,936 unit adalah model Perdana Standard manakala 5 peratus (447) adalah model Perdana Executive.

(Sila baca artikel yang seterusnya: Kelebihan pengurusan fleet profesional dalam menyelia fleet anda).

Kelebihan Pengurusan Fleet Profesional Dalam Menyelia Fleet Anda

BAGI kebanyakan syarikat di Malaysia, pengurusan fleet masih dianggap tidak penting di mana ia hanya tambahan kepada pengurusan korporat dan modal insan. Syarikat itu mungkin tidak menyedari bahawa pengangkutan sebenarnya adalah perbelanjaan kedua terbesar selepas kos membayar gaji kakitangan.

Bagaimanapun ramai kini mula sedar betapa pentingnya menguruskan kenderaan syarikat dengan baik dan pengurusan fleet menjadi sebahagian daripada strategi organisasi ataupun



agensi bagi mendapatkan perkhidmatan pakar dari luar iaitu apa yang disebut 'penyumberan luar' (*outsourcing*).

Sebenarnya pengurusan fleet bukan sekadar membabitkan pembelian dan penjualan kereta syarikat. Buat permulaan, ada pelbagai pilihan jual beli dan pinjaman kenderaan yang disediakan untuk syarikat memiliki aset penting itu.

Sewa kontrak, sewa beli, pembelian kontrak atau pemilihan sendiri adalah antara pilihan pembiayaan di pasaran yang mungkin sesuai untuk sesetengah syarikat tetapi bukan untuk yang lain. Oleh itu, sesebuah syarikat perlu benar-benar memahami setiap opsyen sebelum membuat pilihan. Pengurusan fleet pakar boleh membantu untuk memberikan khidmat nasihat dalam hal ini.

Selepas pilihan pinjaman dibuat, terdapat pelbagai isu lain seperti cukai, pengurusan bahan api dan penyenggaraan yang perlu ditangani segera. Semua ini boleh membabitkan kos yang tinggi jika tidak diuruskan dengan bijak. Dengan peralatan pengurusan yang sesuai, pengurusan fleet boleh mengawal kos dan menjimatkan berjuta ringgit wang syarikat.

Keberkesanan kos adalah kunci bukan saja dalam membuat pilihan jenis pinjaman yang tepat malah mengawalselia kos operasi harian fleet.

Antaranya, kad minyak boleh mengawal kos bahan api. Penyenggaraan secara berjadual pula lebih berkesan dari segi masa dan wang bagi tempoh masa panjang. Semua perkhidmatan itu boleh disediakan dengan cekap oleh pembekal perkhidmatan pihak ketiga dari luar.

Selain itu, sebagai pembekal perkhidmatan yang pakar, pengurus fleet boleh menganalisis data untuk menentukan pemandu yang paling selamat dan berisiko. Maklumat ini dapat membantu dalam pengagihan tugas pengangkutan syarikat itu.

Pada masa sama, masa depan pengurusan fleet bergantung kepada pengurusan maklumat yang cekap. Kelebihan ini dimiliki SPANCO melalui platform e-dagang (Fleet Online) yang



disediakan untuk pelanggan di laman web rasminya di www.spanco.com.my. Melalui Fleet Online, pelanggan boleh mengakses laporan pengurusan fleet yang menyediakan pelbagai maklumat penting berkenaan kenderaan.

Pengurusan penyenggaraan, kos bahan api dan analisis perbatuan adalah antara faktor utama dalam pengawalan kos. Untuk berjaya, sesebuah syarikat perlu bergantung kepada pembekal fleet yang boleh menyediakan maklumat diperlukan dan dalam format yang dikehendaki bagi meningkatkan nilai serta memberikan penyelesaian yang sebenar.

Pelbagai faedah mampu diperolehi apabila syarikat, organisasi mahupun agensi menyedari betapa pentingnya pengurusan fleet dalam *survival* korporat mereka. Di sinilah SPANCO sebagai pengurus fleet profesional berpengalaman, boleh membantu pelanggan.



Dengan peralatan pengurusan yang sesuai, pengurusan fleet boleh mengawal kos dan menjimatkan berjuta ringgit wang syarikat.

Kenapa kita perlu guna khidmat pihak ketiga (outsourcing)?

“Organisasi swasta profesional dengan kepakaran teknikal boleh membantu sesebuah perniagaan menguruskan sumber mereka dengan lebih cekap, terutama yang tidak melibatkan aktiviti teras tetapi penting terhadap operasi. Melalui *outsourcing*, penyediaan modal yang tinggi akibat peningkatan yang tidak diduga dalam permintaan boleh dielakkan dan kakitangan boleh diagihkan dengan lebih berkesan.”

Dato' Hamzah Mohd Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif

Kenapa memilih SPANCO sebagai Penyedia dan Pengurus Fleet Anda?

- Boleh menjimatkan kos sekurang-kurangnya 20%.
- Menyediakan pendekatan profesional dalam menguruskan fleet.
- Membolehkan syarikat menumpu kepada operasi teras.
- Tidak perlu modal pendahuluan – dana boleh digunakan untuk aktiviti teras.
- Caj sewa dan penyenggaraan yang tetap yang telah dipersetujui – tiada lebih kos.
- Tidak dibebani oleh masalah pentadbiran dan sumber tenaga.
- Kenderaan yang dijaga rapi, tidak kerap rosak dan sentiasa bersedia.
- Tidak perlu menguruskan kerosakan dan kemalangan.
- Penggantian kenderaan pada kitaran yang telah ditetapkan.
- Dilindungi daripada ketidakpastian pasaran kereta terpakai semasa dilupuskan.
- Pengurusan insurans dan kesalahan trafik.
- Pusat panggilan bebas tol dan khidmat bantuan kerosakan di seluruh negara 24-jam sehari 7-hari seminggu.
- Tidak perlu menguruskan inventori alat ganti.



PROTON INSPIRA

Tangkas Dengan Harga Mampu Milik

PROTON Holdings Berhad (PROTON) melancarkan model terbaru - Inspira, kereta sedan saiz sederhana empat pintu pada 10 November 2010 lalu, sekali gus mempertingkatkan dan memperkukuhkan lagi pasaran segmen C atasan syarikat itu.

Pelancarannya disempurnakan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed.

Turut hadir, Penasihat PROTON, Tun Dr. Mahathir Mohamad; Pengerusinya, Datuk Seri Mohd Nadzmi Mohd Salleh; serta Pengarah Urusan Kumpulan, Datuk Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir.

Proton Inspira, hasil kerjasama pengeluar peralatan tulen (OEM) antara PROTON dan Mitsubishi Motor Corporation, Jepun. Ia dipertingkatkan lebih lanjut oleh PROTON dari segi prestasi dan keselesaan memandu.

Selain itu, PROTON membuat beberapa tambahan istimewa terhadap Proton Inspira yang menonjolkan penampilan 'elegant-yet-sporty' kereta itu.

"Kami sudah pertingkatkan kereta ini dengan beberapa ciri baru termasuk DNA Lotus dan sekarang, apa yang kami persembahkan untuk anda di sini adalah produk yang mampu dimiliki rakyat Malaysia," kata Datuk Syed Zainal Abidin.



Pengerusi PROTON,
Datuk Seri Mohd Nadzmi Mohd Salleh.

Proton Inspira ditawarkan pada harga atas jalan dengan insurans dari RM78,549 hingga RM91,999, bergantung kepada saiz enjin, jenis transmisi dan warna kereta.

Sementara itu, Datuk Seri Mohd Nadzmi

berkata, Proton Inspira adalah sebahagian daripada strategi bagi mengangkat PROTON ke tahap seterusnya untuk menjadi pengeluar kereta global.

"PROTON sudah bersedia bergerak lebih jauh ke depan untuk menjadi pemain yang diiktiraf dalam industri automotif global. Kami telah menjalankan perkongsian dengan Mitsubishi selama 25 tahun dan ini langkah seterusnya untuk kami terus bekerjasama dengan mereka. Kerjasama antara OEM adalah amalan biasa di kalangan pemain industri kereta antarabangsa kerana ia saling menguntungkan semua pihak," katanya.

Beliau berkata, satu daripada strategi produk PROTON ialah memperkenalkan model bukan teras melalui kerjasama strategik yang menyediakan produk lebih cekap, tepat pada masa dan kos yang efektif ke dalam pasaran.

"Proton Inspira adalah contoh yang sangat baik bagi kerjasama strategik ini," kata Datuk Seri Mohd Nadzmi.

Proton INSPIRA

Smart guys get it.



Atas: Pengarah Urusan Kumpulan, Datuk Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir menyampaikan persembahan mengenai Inspira.
Kiri: Ruang simpanan yang luas untuk pelbagai saiz barangan.

PROTON akan terus menumpukan kepada reka bentuk dan pengeluaran keretanya sendiri. Malah mereka sebenarnya sedang mengusahakan beberapa model baru. Pelanggan boleh menjangkakan beberapa model yang dipertingkatkan pada akhir tahun ini dan tahun depan serta sebuah model baru menjelang 2012 - semua dilakukan sepenuhnya oleh PROTON, demikian jaminan Datuk Seri Mohd Nadzmi.

Model baru Proton Inspira terdapat dalam transmisi manual dan CVT 1.8 liter serta transmisi CVT 2 liter. Varian CVT automatik iaitu penghantaran berubah berterusan, dilengkapi sistem kawalan elektronik kenderaan pintar dan inovasi (INVECS-III). Ini adalah sistem canggih yang secara automatik memilih nisbah gear optimum berdasarkan keadaan jalan dan pemanduan serta kemampuan

mengubahsuaikannya dengan gaya memandu seseorang.

Proton Inspira juga dilengkapi sistem MIVEC (Mitsubishi Innovative Valve Electronic Control), satu teknologi yang menyediakan injap jangka masa optimum pada julat putaran rendah dan tinggi.



Proton Inspira adalah sebahagian daripada strategi bagi mengangkat PROTON ke tahap seterusnya untuk menjadi pengeluar kereta global.



Dari kiri: Datuk Seri Mohd Nadzmi; Penasihat PROTON, Tun Dr. Mahathir Mohamad; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed dan Datuk Syed Zainal Abidin.



Bergambar bersama-sama 11 pemilik Inspira yang pertama.



Dato' Sri Mustapa menerima sebuah lukisan sebagai cenderahati PROTON di atas kesudian beliau menyempurnakan pelancaran Inspira.

Hibrid: Kenderaan Jangkaan Masa Depan



Kenderaan elektrik keluaran PROTON, Exora Hibrid, semasa menyertai cabaran Brighton ke London.

SATU kaji selidik eksklusif terbaru mendedahkan peningkatan penerimaan di kalangan pemandu kenderaan syarikat bahawa mereka akan memandu kereta rendah karbon dan ultra-rendah karbon dalam tempoh sedekad ini.

Hasil tinjauan syarikat pajakan kereta terbesar di United Kingdom, *Lex Autolease* mendapati:

- Sebanyak 60 peratus pemandu syarikat yakin kenderaan petrol atau diesel hibrid semakin bertambah jualannya dalam sektor fleet.
- 18 peratus meramalkan kereta diesel akan menjadi kenderaan kegemaran ramai.
- 10 peratus percaya 'plug-in hybrid' akan tampil menjadi pilihan utama.
- 8 peratus melihat kenderaan kuasa elektrik sepenuhnya.
- Hanya 4 peratus sahaja yang yakin kenderaan petrol paling popular dalam tempoh 10 tahun ini.

"Diesel sudah pun memintas petrol sebagai bahan bakar pilihan. Ramai pemandu menjangka *trend* ini akan berkembang di mana pada masa yang

sama, kenderaan hibrid mula menguasai sebahagian besar pasaran," kata Pengarah Jualan Khas *Lex Autolease*, Colin Thornton.

Katanya, tempoh 10 tahun hanya membabitkan tiga atau empat pusingan penggantian kenderaan. Jadi sudah tiba masanya untuk pengurus fleet meneroka teknologi baru dengan lebih serius.

"Kakitangan mesti bersedia untuk perubahan ini di mana manfaat kepada perniagaan (dengan menggunakan kenderaan hibrid) menjadi semakin jelas," katanya.

Pengeluar kini sibuk membangunkan kedua-dua kenderaan iaitu hibrid dan kenderaan berkuasa elektrik sepenuhnya di mana fleet sudah pun biasa dengan Toyota Prius dan Honda Insight.

Bagaimanapun, model yang lebih baru dan canggih sudah memasuki pasaran Britain termasuk kenderaan Nissan Leaf, yang sedia ditempah dan bakal diterima pelanggan pada Mac 2011 nanti.

Sementara itu tinjauan yang sama mendapati 13 peratus daripada 200 pemandu mengatakan mereka sedia mempertimbangkan kereta berkuasa

elektrik sepenuhnya sebagai kereta syarikat selepas ini.

Manakala 50 peratus lagi mengatakan, kereta hibrid sama ada dalam bentuk petrol atau diesel adalah suatu kemungkinan. Ini menunjukkan kelompok hibrid terbaru berjaya mengatasi pelbagai halangan kepada kemasukan pasaran.

Sebanyak 47 peratus daripada semua pemandu yang ditinjau berkata, mereka ingin menguji pandu sama ada kereta 'plug-in hybrid' atau kenderaan elektrik sepenuhnya. Kereta hibrid 'plug-in' boleh dicas semula menggunakan palam elektrik biasa seperti yang terdapat di rumah.

Thornton berkata, ramai di kalangan pelanggannya menantikan pembaharuan dengan penuh harapan seperti menguji pandu kenderaan baru, teknologi bahan bakar baru selain dasar fleet yang baru.

sumber: *Fleet News*



Kita Perlu Kurangkan Pergantungan Kepada Tenaga Fosil

MANFAAT penuh terhadap persekitaran daripada penggunaan kenderaan elektrik menjadi persoalan selepas Kolej Perniagaan dan Persekitaran Smith di Universiti Oxford, menerbitkan laporan mengenai keperluan mengurangkan pergantungan sumber elektrik daripada tenaga fosil.

Pengurangan pergantungan sumber tenaga fosil yang tidak boleh diperbaharui (defossilise) seperti minyak, gas dan arang batu mesti dibuat sebelum kenderaan elektrik (EV) boleh menjadi kunci mengurangkan pelepasan asap.

Perbandingan dibuat antara United Kingdom (UK), Amerika Syarikat (AS) dan Perancis dalam kajian mengenai pengeluaran karbon dioksida (CO2) secara tidak langsung oleh EV dari telaga minyak ke kenderaan.

Andaian itu mendapati fleet EV menghasilkan pelepasan CO2 sebanyak 59 peratus lebih rendah di AS, 49 peratus lebih rendah di UK, dan 90 peratus lebih rendah di Perancis di mana kebanyakan tenaga elektriknya dijana stesen tenaga nuklear.

Laporan itu menyimpulkan, kemampuan EV untuk

mengurangkan pelepasan gas rumah hijau banyak bergantung kepada punca bahan bakar yang digunakan dalam penjanaan elektrik yang mengecbas bateri.

Ketua Pusat Mobiliti Karbon Rendah di Kolej Smith, Dr. Oliver Inderwildi berkata: "Mengurangkan pergantungan kepada tenaga yang tidak boleh dikitar semula (decarbonising) dalam penjanaan kuasa harus menjadi keutamaan."

Pengarah Pengasas Kolej Smith, Prof. Sir David King, pula berkata: "Masa depan sumber tenaga elektrik kita masih menjadi isu penting di banyak negara sementara sumber yang ada perlu diganti, sedangkan pertambahan pengangkutan jalan terus meningkatkan pencemaran.

"Kita harus merebut peluang sekarang untuk mengurangkan sumber tenaga yang tidak boleh diperbaharui bagi memastikan ekonomi karbon rendah seiring perkembangan dalam pengangkutan kenderaan elektrik dalam tempoh beberapa tahun akan datang."

sumber: Fleet News

Exora Hibrid Menang Pertandingan Di London

PROTON mencipta sejarah apabila bersaing dalam Cabaran Masa Depan Brighton ke London dan menang kategori Kenderaan Elektrik Yang Ditingkatkan Jarak Perjalanannya melalui Proton Exora 'Extended Range Electric Vehicle'.

Cabaran dianjurkan Royal Automobile Club yang berprestij di United Kingdom. Ia adalah pertandingan pemotoran bagi kereta penumpang elektrik, hibrid dan enjin pembakaran dalam yang rendah pelepasan asap.

Pemenang dipilih berdasarkan kereta yang menggunakan tenaga paling sedikit membabitkan jarak pemanduan 91.2 kilometer dari Brighton ke London.

Sebanyak 64 kereta dari pembuat kereta dan individu paling diiktiraf dunia mengambil bahagian antaranya Toyota, Volkswagen dan General Motors. PROTON

menampilkan Saga Electric bagi Kategori EV dan Exora Extended Range EV dalam Kategori E-REV.

Exora muncul juara dalam kategori itu selepas menggunakan hanya 2.2 liter petrol sepanjang tempoh cabaran.



Datuk Syed Zainal Abidin bergambar bersama jurutera Rozadatul Intan Safrina Che Rus yang juga merupakan pemandu kedua Exora Hibrid.

Menurut Pengarah Urusan Kumpulan PROTON, Datuk Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir, kejayaan itu tidak mungkin

tercapai tanpa sokongan pemegang saham mereka.

"Adalah harapan ikhlas saya bahawa sokongan ini akan terus meningkat, yang pasti akan membantu kami mencapai matlamat untuk menjadi contoh dalam inisiatif teknologi hijau yang dipelopori Kerajaan Malaysia – dan sebagai pemacu industri automotif serantau dalam menghasilkan kereta mesra alam bertaraf dunia," katanya.

Mengulas keputusan pertandingan itu, penasihat PROTON, Tun Dr. Mahathir Mohamad menulis dalam laman blognya bahawa ia jelas menunjukkan yang teknologi PROTON jauh lebih baik daripada teknologi lain-lain jenama.

"Buat kali pertama PROTON mempunyai harapan untuk bersaing dalam pasaran kereta bermotor di seluruh dunia," kata beliau.

Kecemasan, Kemalangan Atau Kerosakan:

Pelanggan Boleh Hubungi **1-800-88-6999** Untuk Dapatkan Bantuan

PELANGGAN SPANCO yang mengalami kerosakan kenderaan di tengah-tengah perjalanan, boleh menghubungi talian bebas tol yang disediakan bagi mendapatkan bantuan pada bila-bila masa.

Perkhidmatan bantuan servis kerosakan dan kecemasan itu beroperasi 24 jam sehari, 7 hari seminggu dan sepanjang tahun melalui Talian Bebas Tol **1-800-88-6999** yang disambungkan terus ke Pusat Panggilan.

Bantuan Servis SPANCO disokong oleh 186 Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia.

Anda hanya perlu menelefon **1-800-88-6999** jika memerlukan sebarang bantuan kecemasan, kemalangan mahupun kerosakan, atau memerlukan khidmat tunda untuk menunda kereta anda ke PSD terdekat.

Kakitangan SPANCO di Pusat Panggilan akan sedia membantu dan memaklumkan anda langkah yang selanjutnya.

Apa yang pelanggan harus buat

Semasa membuat panggilan kecemasan, pelanggan perlu menyediakan maklumat berikut:

- Nama penuh
- Nombor pendaftaran kereta
- Nombor telefon untuk dihubungi
- Lokasi kereta
- Masalah kereta

Bagi kecemasan di kawasan Lembah Klang, bantuan akan tiba dalam tempoh 2 jam selepas panggilan diterima oleh Pusat Panggilan SPANCO.

Bagi kawasan di luar Lembah Klang pula, Pusat Panggilan akan mengarahkan PSD berhampiran untuk membantu pelanggan.

Pelanggan disarankan supaya sentiasa berada di sisi kereta sementara menunggu bantuan tiba.

Senarai dan maklumat mengenai pusat servis yang menyediakan pelbagai perkhidmatan membaiki kenderaan termasuk khidmat tunda terdapat dalam laman web rasmi SPANCO di www.spanco.com.my



**Bantuan
Servis SPANCO
1-800-88-6999
adalah:**

- Percuma
- 24 jam sehari
- 365 hari setahun
- Seluruh negara

Menghadapi kecemasan di lebuhraya

Lebuhraya menyediakan sistem pengangkutan yang cepat dan mudah kepada pengguna. Bagaimanapun, setiap pengguna haruslah bekerjasama mematuhi undang-undang dan etika tertentu supaya ia selamat dan lancar.

Jika kecemasan memerlukan anda berhenti di lebuhraya, maka:

- Jika keadaan mengizinkan, cuba pandu kenderaan anda ke kawasan rehat dan rawat atau hentian sebelah yang berdekatan terlebih dahulu.
- Jika tidak, gunakan lorong kecemasan untuk memperlambatkan kenderaan anda.
- Berhati-hati terhadap batu atau objek lain di bahu jalan yang boleh merosakkan tayar.
- Sebolehnya letakkan kenderaan paling kiri atau di lorong kecemasan yang disediakan.
- Jika jalan mendaki bukit, tayar depan dihalakan ke arah jalan dan jika menuruni pula, ke arah bahu jalan.
- Tarik brek tangan dan pasang lampu isyarat kecemasan.
- Letakkan segi tiga kecemasan atau penanda seperti kon beberapa meter di belakang kenderaan untuk memberi amaran kepada pengguna lebuhraya lain.
- Hidupkan lampu sisi jika keadaan mula gelap.
- Anda dan penumpang disarankan supaya keluar dari kenderaan melalui pintu kiri sebelah penumpang.
- Berdiri jauh daripada lalu lintas, sebaiknya di belakang rel pengadang.
- Jangan cuba membaiki kenderaan (kecuali kerosakan kecil) di lorong kecemasan kerana ia sangat bahaya terutama jika anda berdiri di sebelah

kanan kenderaan paling dekat dengan laluan.

- Hubungi unit bantuan kecemasan lebuhraya terlebih dahulu melalui telefon kecemasan yang disediakan atau telefon bimbit.
- Seterusnya hubungi talian bebas tol SPANCO **1-800-88-6999** untuk memaklumkan masalah anda.



Perkhidmatan bantuan servis kerosakan dan kecemasan itu beroperasi 24 jam sehari, 7 hari seminggu dan sepanjang tahun melalui Talian Bebas Tol **1-800-88-6999** yang disambungkan terus ke Pusat Panggilan.

Nombor Kecemasan

Talian Bebas Tol
1-800-88-6999

PLUSLINE
1-800-88-0000

PLUS, ELITE & LINKedua
03-2692 0000

LITRAK (LDP & SPRINT)
03-7494 7333

Polis/Ambulans/
Bomba/Pertahanan
999



LETIH? Jangan Memandu



MEMANDU dalam keadaan letih: Apakah keadaan itu turut menyumbang kejadian kemalangan di jalan raya atau lebuh raya di negara ini?

Kes pada 29 Oktober 2010: Tujuh pemuda belasan tahun maut manakala 39 lagi cedera dalam kemalangan di KM36 Genting Sempah, ketika perjalanan pulang dari Genting Highlands.

Kes pada 10 Oktober 2010: Seramai 13 penumpang bas ekspres maut akibat kemalangan di KM 223 Lebuh Raya Utara Selatan dekat Simpang Ampat, Melaka.

Kes 26 Disember 2009: Seramai 10 penumpang maut apabila bas ekspres dua tingkat terbabas dan melanggar pembahagi jalan di KM272.8 Lebuh Raya Utara Selatan kira-kira dua kilometer selepas Plaza Tol Ipoh Selatan.

Penyelidikan di United Kingdom oleh *Brake and Direct Line* menunjukkan sebahagian besar pemandu mengakui memandu ketika letih dan mereka tidak tahu perbezaan antara fakta sebenar dan yang salah dalam menangani keletihan ketika memandu.

Tinjauan mendapati, seramai 74 peratus mengaku letih ketika memandu dalam tempoh 12 bulan terakhir - dengan 9 peratus mengatakan mereka melakukannya sekurang-kurangnya setiap minggu.

Ini peningkatan yang sangat besar berbanding enam tahun lalu apabila 46

peratus pemandu sahaja memandu dalam keadaan keletihan.

Dianggarkan satu daripada lima kemalangan maut di jalan laluan utama disebabkan pemandu yang letih walaupun angka sebenar mungkin lebih besar kerana sukar untuk membuktikan sesuatu kemalangan berlaku akibat pemandu terlelap.

Dalam kes demikian, risiko kematian atau kecederaan serius adalah lebih besar kerana pemandu yang terlelap tidak membrek sebelum rempuhan di mana kemalangan berlaku pada kelajuan tinggi.

Namun, kebanyakan pemandu masih tidak tahu berapa kerap mereka harus berhenti rehat bagi memulihkan keletihan dan apa harus dilakukan jika mengantuk ketika memandu. Ketika Kerajaan Britain menyarankan supaya berhenti rehat bagi setiap dua jam pemanduan, kaji selidik yang sama pula mendapati 73 peratus gagal mematuhi saranan itu apabila memandu tiga jam atau lebih pada sesuatu masa.

Pegawai Kempen *Brake*, Ellen Booth, berkata: "Situasi pemandu rasa selesa walaupun keletihan ketika memandu cukup menakutkan. Hanya dengan terlelap beberapa saat sahaja boleh menyebabkan kemalangan maut.

"Tetapi berjuta pemandu terus memandu walaupun ketika keletihan dan mereka juga tidak tahu bagaimana

menangani rasa mengantuk dalam perjalanan jarak jauh."

Katanya, kita semua tahu bila kita merasa mengantuk. Kita juga tahu tanda-tanda amaran dan mesti berhenti rehat tanpa bertangguh-tangguh lagi.

Namun kita lazim berfikir boleh melawan rasa mengantuk menggunakan kaedah yang tidak terbukti seperti membuka tingkap.

"Ini salah dan boleh mengancam nyawa anda atau orang lain," katanya.

Pengarah Penilaian dan Penanggungjaminan *Motor Direct Line*, Andy Goldby pula menjelaskan bahawa pertambahan jumlah pemandu mengakui memandu dalam keadaan letih adalah *trend* yang membimbangkan.

Beliau berkata, keletihan dan memandu adalah kombinasi yang membawa padah. Bukan setakat risiko anda boleh terlelap tetapi ketika letih, tindak balas dan kewaspadaan kita pada persekitaran adalah rendah.

Pemandu, katanya, tahu bila mereka letih dan jangan menganggap berhenti rehat boleh memanjangkan tempoh perjalanan.

"Adalah tidak berbaloi jika sikap anda menjadi risiko kepada diri sendiri dan pengguna jalan lain. Biarlah lambat, daripada tidak sampai langsung ke destinasi anda."

Tidur Sekejap, Minum Kopi Bantu Atasi Keletihan

MEMANDU dalam keletihan dikenalpasti punca satu daripada lima kemalangan di jalan raya.

Tetapi bagaimana keletihan mempengaruhi pemanduan. Apakah yang anda boleh lakukan untuk mengelak kemalangan?

Hakikatnya, keletihan menjejaskan perilaku dan paling ketara menyebabkan seseorang lambat bertindak balas kepada persekitaran.

Dalam satu tinjauan, seramai 240 pemandu lelaki diminta berhenti antara jam 1 pagi hingga 6 pagi. Mereka diminta menilai keletihan masing-masing kemudian melakukan tugas mudah mengenai tindak balas.

Mereka yang berehat menunjukkan tempoh tindak balas yang cepat (189 ms), tetapi pemandu yang letih memberi tindak balas jauh lebih lambat (309 ms).

Dilaporkan, ketika keletihan dan terus memandu, kita menumpukan sumber deria kepada keutamaan untuk mengelak pelanggaran tetapi dalam aspek lain, seperti ketepatan mengawal stereng mungkin terjejas.

Tanpa mendedahkan kenapa keletihan mempengaruhi perilaku pemanduan, apa yang jelas ialah risiko kemalangan semakin tinggi apabila pemandu letih. Isu di sini, bagaimana risiko itu boleh dielak atau dikurangkan?

Dua pakar psikologi, Reyner dan Horne, melakukan beberapa siri percubaan meneliti cara berkesan mengurangkan keletihan. Contoh, mendengar muzik rancak atau membuka cermin tingkap hanya berkesan untuk tempoh singkat iaitu kira-kira 15 minit.

Begitu juga, minum air berkafein pekat hanya melegakan untuk kira-kira 30 minit bagi seseorang yang sama sekali tidak tidur pada malam sebelumnya.

Penyelidik menyimpulkan, kaedah paling berkesan adalah tidur sekejap antara 10 hingga 15 minit dan kemudian minum air berkafein.

Ada juga pemandu berdepan risiko lebih tinggi ketika memandu dalam keletihan berbanding pemandu lain. Begitu juga mereka yang memandu sebagai sebahagian daripada pekerjaan; mereka paling terdedah kepada bahaya.

Ada bukti sikap majikan juga boleh mempengaruhi bagaimana pemandu berurusan dengan keletihan.

Satu kaji selidik meneliti bagaimana persekitaran keselamatan kerja dan tekanan organisasi mempengaruhi perilaku pemanduan ketika keletihan.

Mereka mendapati, kejadian 'nyaris kemalangan' adalah sedikit apabila pemandu mempamerkan tahap tekanan kerja yang rendah atau bekerja dengan

organisasi yang mempunyai kesedaran tinggi berkaitan isu keselamatan pemandu.

Namun, sementara kedua-dua faktor itu didapati penting, persekitaran keselamatan kerja mempunyai kesan jauh lebih besar.

Kaji selidik ini benar-benar menekankan peri mustahaknya dasar, sikap dan latihan yang disediakan oleh majikan.

Contoh, kajian membuktikan dalam sehari, ada dua masa di mana keletihan mungkin menjadi punca utama kemalangan. Pertama, mulai tengah malam hingga jam 6 pagi, dan kedua, pertengahan waktu petang selepas makan tengah hari.

Justeru, pengurusan yang peka risiko perlu diatur dengan tiada khidmat pemandu digunakan pada awal pagi dan memastikan mereka berehat selepas tengah hari.

Sebaik-baiknya, orang tidak akan memandu jika rasa mengantuk tetapi hakikat ini sukar diawasi. Seperkara yang jelas dari kaji selidik ini ialah risiko berlaku kemalangan boleh dikurangkan jika keselamatan pemandu diambil kira secara serius oleh majikan dan pekerja.

Ini membabitkan pelaksanaan dasar dan prosedur bagi mengenal pasti senario yang mungkin berisiko serta campur tangan majikan yang disesuaikan dengan keperluan khusus.

.....
sumber: Fleet News
.....

Kriteria Ketat Panel Pusat Servis Jamin Mutu Perkhidmatan



PERMINTAAN untuk servis penyenggaraan dan pembaikan yang disediakan oleh SPANCO pastinya tidak dapat dipenuhi seratus peratus tanpa sokongan panel pusat servis yang dilantik di seluruh negara.

Ini kerana terdapat lebih 9 ribu buah kereta fleet Kerajaan Persekutuan yang diselia SPANCO yang memerlukan perhatian dan penjagaan yang sempurna sepanjang masa. Jumlah itu dijangka akan terus meningkat seiring keperluan perkhidmatan yang dibekalkan oleh agensi, jabatan dan kementerian.

Bagaimanapun, bagi memastikan kelancaran fleet serta tahap perkhidmatan yang bermutu tinggi lagi memuaskan dicapai dan dikekalkan sepanjang masa, proses pelantikan panel pusat servis yang diiktiraf atau PSD dilaksanakan dengan teliti berpandukan piawaian kriteria yang ketat.

Proses saringan dalam pemilihan, pelantikan dan pemantauan yang agak cerewet itu bukan bertujuan untuk menyusahkan mana-mana pihak tetapi sebaliknya untuk memudahkan pelanggan.

Antara kriteria yang dimaksudkan ialah PSD mesti menyediakan kemudahan asas yang wajib, terletak di laluan yang mudah, diiktiraf oleh PIAM dan sebaik-baiknya menjadi wakil EON ataupun Proton Edar.

Ciri-ciri yang perlu dimiliki PSD itu ialah:

Lokasi

Jarak antara dua PSD hendaklah tidak

kurang daripada 25 kilometer antara satu sama lain. Ia bagi mengelakkan persaingan kurang sihat di samping menggalakkan peluang perniagaan.

Peta taburan PSD seluruh negara sentiasa dikemaskini dan disusun semula dengan menumpukan pelantikan di bandar-bandar utama yang mempunyai kepadatan fleet konsesi yang tinggi.

Kemudahan

PSD perlu memiliki kelengkapan serta kemudahan yang minimum yang ditetapkan oleh SPANCO. PSD juga perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang pekerja teknikal mahir yang berkelayakan di mana kepakaran mesti selaras dengan keperluan teknologi automatik masa kini.

Berdaftar

PSD mestilah syarikat yang berdaftar serta mempunyai kedudukan kewangan yang stabil dan kukuh. PSD juga perlu menyediakan perlindungan insurans bagi kereta-kereta pelanggan yang ditinggalkan di premis mereka.

Jenis perkhidmatan

Keutamaan pelantikan diberikan kepada pusat servis yang menyediakan perkhidmatan yang berlainan daripada yang sedia ada di sesuatu daerah, pekan atau bandar.

Alat ganti tulen

PSD mesti menggunakan alat-alat ganti tulen sahaja dalam setiap kerja penyenggaraan dan pembaikan kereta-kereta konsesi. Pengurusan Fleet Profesional tidak akan berkompromi

dengan mana-mana PSD yang melanggar syarat ini.

Pelanggan diutamakan

Bagaimanapun SPANCO sentiasa bersedia mempertimbangkan mana-mana pusat servis yang disyorkan oleh pelanggan jika didapati tiada yang mampu memenuhi ciri-ciri yang ditetapkan di satu-satu lokasi.

Kriteria pelantikan ketat itu bagi menjamin perkhidmatan PSD setanding kualiti yang terdapat di dua buah pusat servis utama SPANCO iaitu Pusat Servis Wilayah (PSW) di Batu Caves dan di Bangi, Selangor.

Pelanggan boleh menghantar kenderaan ke PSW atau mana-mana daripada 186 PSD yang terdapat di seluruh negara bagi mendapat perkhidmatan servis berjadual, khidmat tunda, membaiki kerosakan, ketuk badan, tayar, hawa dingin dan lain-lain lagi.

Senarai lengkap dan jenis perkhidmatan PSD boleh diketahui dengan melayari laman web rasmi SPANCO di www.spanco.com.my.

Kriteria pelantikan PSD

- Lokasi yang mudah
- Kemudahan yang lengkap
- Berdaftar
- Kukuh dan stabil
- Servis yang berlainan
- Alat ganti tulen
- Pelanggan diberi keutamaan

Senggara Kereta Secara Rutin Selamatkan Alam Sekitar

MEMANDU kereta mungkin hal paling biasa dilakukan tetapi itu antara tindakan paling mencemar udara. Pelepasan asap kenderaan petrol menyumbang kepada pencemaran udara termasuk pemanasan global, toksik dalam udara dan jerebu yang mengancam kesihatan awam.

Kereta sama seperti tubuh kita yang perlu diperiksa secara teratur untuk prestasi optimum dan mengurangkan kesan terhadap persekitaran. Sebahagian besar kita tidak menyedari bagaimana membersihkan kereta hampir sama penting bagi persekitaran seperti memeliharanya. Bayangkan: hanya memerlukan 1 liter minyak untuk mencemarkan 1 juta liter air di perairan kita.

Enjin kereta mesti disenggara secara rutin di mana ini akan membantu menjimatkan tenaga. Selain menjadikan kereta tahan lama, menggantikan minyak pelincir dan penapisnya secara berkala turut membantu menjimatkan bahan bakar. Untuk mendapatkan faedah maksimum daripada enjin kereta bermakna enjin kereta anda perlu bekerja dengan kecekapan maksimum menggunakan bahan bakar yang minimum.

Bahan hasil pembakaran dalam enjin bergabung menghasilkan kesan kepada kesihatan pemandu kereta dan orang awam. Bandar akhirnya menjadi lubuk bahan kimia beracun hasil pembakaran bahan bakar fosil tidak terkawal.

Sesungguhnya, kesan asap kereta terhadap kesihatan adalah meluas dan sukar diukur.

Sebenarnya, penyenggaraan turut meningkatkan penjimatan bahan dan wang. Ini turut mengurangkan pelepasan asap, risiko kesihatan serta kesan negatif terhadap planet kita.

Lakukan rutin ini:



sebenarnya mengelak daripada berbelanja besar dengan mengesan dan melakukan senggaraan kecil sebelum kerosakan menjadi lebih teruk.



perbelanjaannya mungkin mahal, masalah enjin yang tidak dirawat boleh memberi kesan kepada kecekapan penggunaan bahan bakar. Periksa sistem cucuhan dan kuasa (drivetrain) kereta serta sistem pelepasan asapnya.



menunjukkan ada masalah pada enjin atau brek. Pemantauan ini dapat mengelakkan masalah menjadi lebih teruk.

5 Tukar minyak pelincir kereta. Dengan

1 Atur pemeriksaan berjadual dengan mekanik yang dipercayai. Anda

2 Mengesan dan menangani semua masalah sistem mekanikal kereta anda. Sementara

3 Beli bahan cecair penyejuk enjin bagi memastikan enjin bergerak lancar dan cekap.

4 Secara kerap, pantau penggunaan bahan bakar anda. Sebarang perubahan ketara



menukarnya dan mengganti penapis minyak secara berjadual, anda sebenarnya meningkatkan

kecekapan bahan bakar dan membantu kereta tahan lebih lama. Jika minyak pelincir tidak ditukar seperti disarankan, boleh menyebabkan rosak lebih awal sekali gus hilangnya ekonomi bahan bakar dan prestasi secara keseluruhan. Ini bermakna penggunaan minyak menjadi boros dan meningkatkan jumlah pelepasan karbon.



6 Pastikan tekanan udara tayar anda mencukupi. Tekanan udara rendah dalam tayar

menyebabkan enjin terlalu panas dan menggunakan lebih banyak bahan bakar bagi kelajuan yang tinggi atau stabil.

Selain itu amalkan penjagaan kereta yang mesra alam. Sebagai contoh, SPANCO komited terhadap kebersihan alam sekitar dengan mengumpul dan menghantar sisa minyak serta bahan buangan yang lain dari pusat servis kami ke pusat kitar semula.



SPANCO komited terhadap kebersihan alam sekitar dengan mengumpul dan menghantar sisa minyak serta bahan buangan yang lain dari pusat servis kami ke pusat kitar semula.

Jadual Penyenggaraan: Penting Patuhi Saranan Pengeluar



MEMATUHI jadual penyenggaraan kenderaan secara rutin penting untuk memastikan kenderaan dalam keadaan terbaik. Tapi apakah jenis servis yang harus dilakukan dan berapa kekerapannya?

Kita mungkin diberikan jawapan berbeza apabila mengajukan soalan itu kepada bengkel. Ini kerana bengkel kereta terlibat di dalam perniagaan di mana tujuan utamanya adalah mengaut seberapa banyak keuntungan. Lebih banyak servis yang disyorkan maka lebih banyak pula untung yang dikaut.

Justeru, jika kejujuran bengkel dipertikai, maka kepada siapa harus kita bergantung untuk mendapatkan nasihat tentang servis itu?

Syor pengilang

Sebenarnya sumber terbaik mengenai maklumat penyenggaraan berjadual adalah dari pengeluar kenderaan sendiri.

Kenderaan baru disertakan sekali dengan buku servis yang merangkumi manual pemilik dan kad jaminan atau mungkin sebuah buku kecil yang berasingan.

Jika anda tidak memiliki buku servis itu, maka kebanyakan pengilang atau pengeluar menyediakan pelbagai maklumat berkaitan di laman web mereka. Layari Internet untuk mencari laman web rasmi pengeluar kenderaan anda. Sebahagian besar maklumat seperti jadual senggaraan dan spesifikasi kenderaan anda boleh ditemui di situ.

Terdapat juga pengeluar yang menyediakan kemudahan membuka akaun di laman web mereka. Melalui akaun itu, pemilik kenderaan boleh memantau servis yang dilakukan di mana mereka akan dimaklumkan bila servis rutin seterusnya. Pengeluar juga akan memberitahu pemilik bagi sebarang peringatan tertunda melalui laman web itu.

Penjagaan minimum

Ketika meneliti jadual senggaraan yang disyorkan pengilang, perlu ingat bahawa servis rutin yang disenaraikan adalah yang paling minimum dalam kegunaan yang biasa. Justeru, servis tertentu mungkin patut dilakukan lebih kerap jika kenderaan dipandu dalam lalu lintas yang sesak atau di jalan yang lasak.

Kekerapan senggaraan

Jadual senggaraan menerangkan servis pada jarak perbatuan dan tempoh tertentu. Contoh, minyak enjin atau pelincir sepatutnya ditukar bagi setiap jarak 8,000 km (5,000 batu) atau tempoh enam bulan. Bermakna walaupun kenderaan jarang dipandu dan meter menunjukkan kurang 8,000 km, minyak pelincir tetap perlu ditukar apabila mencapai enam bulan dari servis terakhir. Ringkasnya, yang mana dahulu – tempoh atau perbatuan.

Jenis servis

Sesebuah kenderaan dikehendaki menjalani pelbagai jenis penyenggaraan sepanjang ia digunakan seperti servis rutin dan servis utama. Bergantung kepada model kenderaan, servis senggaraan yang utama (major services) lazimnya dilakukan pada jarak 48,000 km (30,000 batu). Bagaimanapun susulan teknologi yang sentiasa berkembang, kenderaan-kenderaan baru kini semakin kurang memerlukan servis berbanding model-model terdahulu.

Kini terdapat banyak model kenderaan yang langsung tidak mewajibkan bendalir penyejuk diganti atau transmisi diservis untuk jarak perbatuan sejauh 161,000 km (100,000 batu).

Berikut adalah servis senggaraan rutin yang lazim dan antara alat ganti yang ditukar:

- Minyak pelincir dan penapis
- Putaran tayar
- Bendalir casis
- Penapis udara
- Penapis kabin (untuk pendingin hawa)
- Penapis bahan bakar
- Bendalir penyejuk
- Servis transmisi
- Servis gandar
- Servis bateri
- Tali sawat penalaan

Kebiasaannya, setiap kali kenderaan dihantar untuk menjalani servis berjadual, pusat servis akan menukar minyak pelincir dan penapis iaitu penyenggaraan paling minimum yang diwajibkan. Selain itu, pusat servis juga akan melakukan pemeriksaan menyeluruh ke atas kenderaan dan mengesyorkan pembaikan lain yang sepatutnya.

Haus dan lusuh

Tayar dan brek dianggap sebagai komponen haus dan lusuh yang tidak termasuk di dalam penyenggaraan rutin. Bagaimanapun, untuk keselamatan, kedua-duanya akan diperiksa dan sebaik-

baiknya diganti sebelum haus atau lusuh. Komponen haus dan lusuh lain yang diperiksa semasa servis rutin adalah seperti penggilap cermin, hos, tali sawat dan sabuk penggerak enjin (engine drive belts).

Penyenggaraan cegahan

Tujuan menukar alat ganti sebelum ia rosak adalah bagi mencegah kerosakan yang lebih besar di kemudian hari. Penyenggaraan cegahan bukan sahaja mampu menghindar kenderaan rosak di tengah-tengah perjalanan tetapi juga didapati boleh menjimatkan kos bagi jangka masa yang panjang.

Sebelum kenderaan diservis

Sebelum kenderaan dihantar ke pusat servis, ada baiknya anda meneliti semula sejarah penyenggaraan kenderaan anda. Ini kerana terdapat bengkel yang tidak jujur yang akan mengesyorkan pelbagai pertukaran alat ganti atas alasan bahawa ia adalah tuntutan pihak pengeluar. Mengetahui keperluan jadual servis kenderaan anda akan mengelakkan daripada dibebani dengan kos perkhidmatan yang sebenarnya tidak perlu.

Pusat servis diiktiraf

Bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan Malaysia yang menggunakan kereta SPANCO, mereka mesti menghantar kereta itu untuk menjalani servis berjadual ke Pusat Servis Wilayah (PSW) di Batu Caves atau Bangi, atau mana-mana Pusat Servis Diiktiraf (PSD) yang terdapat di seluruh negara.



Sebenarnya sumber terbaik mengenai maklumat penyenggaraan berjadual adalah dari pengeluar kenderaan sendiri.



Untuk mengetahui jadual dan jenis servis yang diperlukan, pemilik kenderaan boleh merujuk kepada manual pengguna dan buku servis yang dibekalkan kepada mereka.

Piawaian servis SPANCO

- Tahap keupayaan boleh gerak kenderaan – lebih 97%.
- Servis berjadual – dalam tempoh 2 hari.
- Masa tindak balas – dalam tempoh 2 jam.
- Jadual penyenggaraan cegahan – menggantikan alat ganti sebelum rosak.
- Ulasan prestasi proaktif terhadap kenderaan – cadangan penggantian awal sekiranya kereta bermasalah atau atas sebab teknikal.
- Ulasan prestasi secara proaktif terhadap pusat servis diiktiraf (PSD) – memastikan tahap kualiti setanding seperti yang disediakan di pusat servis utama.
- Khidmat bantuan kecemasan 24 jam melalui talian bebas tol **1-800-88-6999**.

Asas Fungsi Dan Penjagaan Brek: **Brek Penting Untuk Keselamatan**

Brek jenis cakera.



Brek jenis dram.



BREK, alat yang sering disalah fahami dalam penyenggaraan automotif. Pelanggan tidak selalu tahu kenapa mereka dikenakan caj mahal apabila melakukan servis brek.

Ramai pelanggan terkejut apabila diberitahu mereka perlu mengganti brek baru sebelum jaminan kilang tamat. Ramai lagi terkejut apabila mereka hanya perlu menukar brek depan, sedangkan brek belakang boleh diganti kemudian.

Brek adalah satu aspek paling penting dalam prestasi kenderaan - tetapi satu alat yang paling disalah fahami.

Kenapa brek depan cepat haus?

Kebanyakan kereta menggunakan gabungan brek cakera di depan dan brek dram di belakang walaupun kebiasaannya

kereta sport dan sedan premium menggunakan brek cakera bagi keempat-empat tayar.

Brek cakera menggunakan rotor bulat iaitu cakera yang berputar dengan roda. Ketika brek ditekan, sepasang pelapik brek akan menyepit cakera untuk membantu memberhentikan kenderaan.

Brek dram atau brek gelendong pula menggunakan pelapik brek disebut 'ladam' yang dipasang dalam dram yang bulat. Ladam akan menekan keluar, melawan putaran dram bagi membekalkan tenaga untuk memberhentikan kereta.

Kerana berat kenderaan terdorong ke depan ketika membrek, maka brek depan perlu menampung sebahagian besar kerja memberhentikan pergerakan. Ini juga

Penjagaan brek secara ringkas

Minta bantuan mekanik untuk memeriksa yang berikut:

- Paras bendalir brek.
- Kabel brek (jika ada) untuk mengesan karat dan bocor.
- Hos brek untuk sebarang rekahan.
- Pelapik brek untuk kelusuhan atau kesan kebocoran.
- Bearing roda.
- Brek tangan.

Peka kepada tanda-tanda kerosakan yang berikut:

- Bau hangit pada tayar.
- Bunyi nyaring.
- Pedal brek yang kurang anjal.
- Kereta terpesong apabila membrek.

Hantar kereta untuk pemeriksaan jika anda mengesan tanda-tanda di atas.



Lalu lintas yang sesak memendekkan hayat brek.



Membrek secara mengejut bukan sahaja menghauskan brek dengan cepat malahan boleh mengakibatkan kemalangan. (gambar ihsan JKJR)

bermakna brek depan lebih cepat haus - kadang-kala hanya selepas jarak 48,000 km (30,000 batu).

Kehausan brek berbeza mengikut cara pemanduan. Pemandu agresif yang kuat menekan brek lebih cenderung menyebabkan brek depan cepat menipis berbanding pemandu yang menekan brek secara cermat. Juga, pemandu yang banyak menghabiskan masa dalam lalu lintas sesak akan mendapati breknya cepat haus.

Pembaikan rotor

Semasa pelapik brek cakera yang lusuh diganti, rotor akan diperiksa untuk memastikan ia masih rata atau tidak calar. Ini kerana logam boleh berubah bentuk dan bengkok (warped) selepas tempoh yang lama dan jika berlaku, mengakibatkan pedal brek berdenyut semasa ditekan.

Bagi membaiki rotor yang bengkok, ia akan 'diasah' untuk meratakannya kembali. Bagaimanapun rotor yang sudah nipis kerana kerap diperbaiki perlu diganti segera kerana keadaan itu boleh mendatangkan risiko kepada pemandu.

Kenapa brek cepat rosak

Jelas, cara memandu tertentu boleh mempercepatkan kehausan

brek. Lalu lintas sesak paling banyak menyebabkan brek haus tetapi gaya pemanduanlah yang sebenarnya menyebabkan kehausan lebih awal.

Pemanduan agresif lazimnya menyebabkan lebih banyak brek digunakan kerana pemandu perlu menekan dengan kuat untuk memberhentikan kenderaannya. Justeru, cara terbaik memaksimumkan hayat brek ialah mengelakkan pemanduan agresif dan lalu lintas yang sesak.

Selain itu, ada baiknya untuk memandu dengan kelajuan yang stabil dan tidak meletakkan kaki di atas pedal brek dalam keadaan tidak perlu menggunakannya.

sumber: *The Basics of Brake Maintenance*



Lalu lintas sesak paling banyak menyebabkan brek haus tetapi gaya pemanduanlah yang sebenarnya menyebabkan kehausan lebih awal.

Tip menggunakan brek

- Jangan brek mengejut – banyak haba dihasilkan setiap kali brek ditekan.
- Haba dan suhu tinggi mengurangkan keberkesanan brek.
- Suhu terlalu tinggi juga boleh mengakibatkan kerosakan rotor brek seterusnya pembaikan yang menelan belanja.
- Jangan memecut ke arah lampu trafik yang sedang bertukar – amalan ini tidak sahaja cepat menghauskan brek tetapi juga meletakkan penumpang dalam keadaan cemas dan tidak selesa.
- Penggunaan brek secara cermat menjimatkan minyak manakala tayar, brek dan suspensi tahan lebih lama.

6 Langkah Tingkat Kesihatan Jantung



STATISTIK perubatan terkini menunjukkan sebahagian besar orang ketika hayat mereka, sudah pun mempunyai penyakit jantung atau berada pada risiko tinggi untuk mengalami penyakit jantung. Statistik mengejutkan ini diterjemahkan kepada fakta bahawa kebanyakan orang akan mengalami penyakit jantung kecuali mereka mengambil langkah pencegahan untuk meningkatkan kesihatan jantung mereka mulai sekarang.

Tidak kira sama ada anda tergolong dari kalangan orang yang sihat atau yang berisiko mendapat penyakit, berikut adalah enam langkah untuk meningkatkan kesihatan jantung anda.

1. Kurangkan gula dan garam –

Mengurangkan dua bahan ini dalam diet akan meningkatkan kesihatan jantung. Garam meningkatkan tekanan darah dengan menyebabkan tubuh menahan air. Gula meningkatkan berat (menyebabkan jantung bekerja lebih keras), selain tekanan darah dan kolesterol 'jahat'. Dengan mengurangkan garam dan gula tidak kira dalam makanan yang diproses ataupun segar, kesihatan jantung akan lebih baik.

2. Berjalan – Amalan berjalan pantas setiap hari akan meningkatkan kesihatan jantung dengan membantu mengurangkan berat badan,

menurunkan tekanan darah dan kolesterol 'jahat'. Amalan itu juga membantu pra-diabetes kembali normal.

3. Mengamalkan pemakanan

Mediterranean – Banyak ditulis mengenai diet Mediterranean untuk menurunkan berat badan. Ia cara pemakanan sihat yang akan meningkatkan kesihatan jantung. Makan cara Mediterranean menekankan diet harian yang mengandungi banyak ikan, buah, sayur dan bijirin serta mengehadkan jumlah garam, gula, daging merah dan bijirin yang diproses.

4. Kekalkan sikap positif – Orang yang tertekan dan marah berisiko tinggi mengalami penyakit jantung. Dua keadaan itu menyebabkan rembesan hormon stres ke dalam tubuh dan membuat arteri terdedah kepada plak. Bersikap negatif dan marah juga menyebabkan tekanan darah meningkat serta meningkatkan denyut jantung. Oleh itu, luangkan masa berehat dan tenang, lepaskan kemarahan dan rasa negatif serta bersikap positif setiap hari.

5. Beli alat bacaan tekanan darah

– Sediakan alat itu di rumah bagi membolehkan anda mengambil bacaan tahap tekanan darah yang normal secara asas, konsisten dan tepat serta memberi amaran awal jika ada sesuatu yang tidak kena.

6. Berhenti merokok – Tabiat merokok meningkatkan denyut jantung. Bahan kimia dalam asap menyebabkan darah menggumpal dengan lebih mudah. Orang yang menghidu asap rokok turut mengalami risiko serupa.

Justeru jaga kesihatan anda dengan mengawal pemakanan. Kurangkan gula dan garam serta banyakkkan ikan, buah, sayur dan bijirin segar. Kurangkan tekanan dan ganti tabiat merokok dengan aktiviti riadah yang sihat. Selain itu berfikir positif dan pantau tekanan darah anda.



...kebanyakan orang akan mengalami penyakit jantung kecuali mereka mengambil langkah pencegahan untuk meningkatkan kesihatan jantung mereka mulai sekarang.



Untuk Kereta Anda,
 Pusat Servis Wilayah Di Batu Caves,
 Selangor Menggunakan Hanya
 Peralatan Yang Terbaik Dan Menepati
 Piawaian Mutu Tertinggi Yang
 Ditetapkan Oleh SPANCO.



Proton Advance Diagnostic Tool (PADT):

Mengesan, merekod dan membetulkan kerosakan pada sistem elektronik serta menguji komponen penggerak kereta.



Alat penjajaran roda berkomputer:

Untuk pelarasan tepat sistem geometri stereng dengan menggunakan perisian komputer terkini.



Alat pam minyak enjin pneumatik & Pengumpul sisa:

Menyedut keluar minyak enjin yang sudah digunakan terus ke dalam bekas pengumpul sisa minyak. Pembuangan sisa minyak mematuhi piawaian yang ditetapkan Jabatan Alam Sekitar.



Pengecas gas pendingin udara automatik:

Untuk vakum pantas dan cas semula gas pendingin udara.



Dispenser minyak enjin:

Memastikan kebersihan persekitaran melalui penuangan minyak enjin pada sukat yang tepat tanpa tumpahan.



Sistem Maklumat Pengurusan Fleet Bersepadu:

Melicinkan kerja-kerja senggaraan dan pembaikan. Melalui sistem ini, sejarah kenderaan termasuk kerosakan yang pernah dialami boleh dicapai dalam masa sebenar secara dalam talian.



Ada sebabnya kendaraan dilengkapi cermin dan lampu isyarat kereta.



**Gunakan Cermin. Beri Isyarat Barulah Bergerak.
Anda Mampu Mengubahnya.**